

# Islam Dan Umat Islam

Kawalan Beranak Menurut Hukum Syarak

Oleh: Ustaz Abu Bakar Siddiq

Soal mengawal beranak telah lama benar diperbincangkan orang – semua umat yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan agama telah berbahas sesama sendiri mencari kepastian yang tegas – tetapi setiap perbincangan dan perbahasan tidak juga menghasilkan keputusan yang muktamad.

Hari ini soal tersebut timbul kembali.

Orang ramai masih tertanya-tanya sesama sendiri apakah mengehend beranak itu harus di sisi syarak atau tidak?

Di tanah air kita alim ulama kita nampaknya belum membuat apa-apa pendapat mengenai soal ini. Tetapi Tuan Haji As'aya bin Abdul Majid Mufti Perak dalam fatwanya yang tersiar di dalam majalah “*Seruan Majlis*” keluaran bulan Julai 1959 bilangan 39 antara lain beliau menulis: “...menjarang atau mengehend beranak tidak menjadi halangan di sisi agama Islam kalau sekiranya tidak berlaku apa-apa sebab atau keuzuran – dalam pada itu pekerjaan menjarang beranak itu tidaklah begitu elok dijalankan kerana Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam* pernah bersabda: “*Tanākahū tanāsālū fa innī ubāhī bikumu al-umama yawma al-qiyāmah.*” Ertinya: “Berkahwinlah kamu dan beranak-pinaklah kamu, bahawasanya aku bermegah-megah dengan ramai umat-umatku pada hari kiamat kelak.”

“Dipandang dari segi siasah negara mengurangkan anak dengan tidak berfasal adalah kurang baik kerana jika dikawal sangat bilangan bangsa akan berkurangan dan ini bererti akan menghadapi kekalahan di dalam sebarang perjuangan....”

Perkara mengawal beranak mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia dan siasah kenegaraan dan juga merupakan suatu faktor yang boleh menghubungkan nasib dan keadaan suatu kaum bangsa – segolongan manusia yang berjiwa keruh dan gelisah dan terhadap kebanyakan umat sesebuah negara - mereka menganjurkan supaya perbuatan mengehend beranak ini digalakkan.

Di sebaliknya pula mereka yang memandang kepada banyaknya penduduk itu dengan jiwa yang yakin dan berharap, mereka ini membangkang akan perbuatan mengawal dari beranak.

“Banyaknya umat sesebuah negara adalah merupakan asas kekuatan dan kemajuan, kemakmuran dan kesenangan, ketinggian dan kemenangan sesuatu bangsa. Sebaliknya kekurangan umat dipandang sebagai suatu kelemahan – kemunduran dan kemalasan.”  
Demikian pendapat seseorang ahli penyelidikan dan falsafah Inggeris – Dr. Maltz.

Beliau berkata lagi: “Bahawa manusia akan bertambah-tambah dalam jangka waktu dua puluh lima tahun yang akan datang – bagi mengelakkan bencana kekurangan makanan yang bakal dihadapi – maka bagi golongan orang muda-muda janganlah berkahwin sewaktu dalam usia belasan tahun – dan jangan berkahwin selagi belum mendapat pekerjaan yang tetap yang boleh menjamin kehidupan pada hari akan datang”

Yang anehnya lagi usaha mengehend beranak ini telah mendapat sokongan dan galakan pula daripada beberapa

kerajaan di negara barat dan ini tidaklah menghairankan kalau sekarang banyaklah sudah badan-badan persatuan mengehend beranak didirikan di negeri Inggeris.

Biarpun telah banyak menerima tentangan dan bangkangan yang hebat dari paderi-paderi, pengarang-pengarang, wartawan-wartawan dan ahli-ahli agama Kristian. Namun suara jeritan dan bangkangan mereka tidak dihiraukan oleh pihak pemerintah.

Berita buruk dan peristiwa terkutuk ini bukan sahaja berjangkit di negara-negara sebelah barat tetapi rupa-rupanya telah menjangkit di negara-negara Islam.



*Sebahagian daripada pelajar-pelajar darjah khas agama kerajaan Perak, dari Titi Serong, Parit Buntar, bergambar untuk kenangan setelah memasuki peperiksaan bagi tahun dua.*

*Pengenalan, dari kanan: Abdul Mutalib Ahmad, Abdul Halim Bajuri (Setiausaha pelajar-pelajar), Mukhtar Lubis (Ketua Lembaga Kemajuan Pelajar-pelajar) Ghazali Sufi, Muhammad Hasan dan Abdul Ghani Sulaiman. Berdiri dari kanan; Uthman Harun Muhammad Haji Hasan, Muhammad Jamil Hasan (Ketua Pelajar) Shamsuddin Haji Adam, Bahrain Daud dan Abdullah Sanawi.*

Pengertian mengehend beranak bukanlah bererti menggururkan anak di dalam kandungan sebagaimana anggapan setengah-setengah orang kita Melayu hari ini. Alim ulama dan ahli-ahli sarjana cendekia Islam di sebelah negara Islam di Timur Tengah sana pernah berbahas sesama sendiri tentang hukum kawalan beranak ini. Masing-masing telah mengemukakan keterangan-keterangan dan dalil-dalil akal yang kuat dan layak diterima oleh akal setelah sekian lama berbahas mereka telah menentukan empat dasar pokok persoalan mengenai kawalan beranak ini:

(1) Anak hak ibubapa dan umat

Pembina hukum pertama itu terdiri dari pengikut-pengikut mazhab Shāfi‘ī, Hanbalī dan lain-lain mazhab lagi. Mereka berpendapat: Menahan dari mengandung itu adalah makruh kerana yang demikian memutuskan keturunan dan anak cucu, padahal membanyakkan keturunan itu sangat-sangat digemari oleh Islam. Hukum ini biarpun pada dasarnya makruh, tetapi di dalam masa berhajat menurut

pandangan syarak harus jua.

(2) Anak hak ibu bapa dan umat dan umat - tetapi hak umat lebih kuat

Antara ulama yang mengikut aliran ini ialah ahli-ahli hadis. Mereka berpendapat bahawa menahan dari beranak itu haram mutlak, kerana perbuatan ini menurut mereka memutuskan nasab keturunan manusia. Bahkan tujuan berkahwin itu adalah menurut pemberian Allah yang merupakan kurnia hidup yang akan memberi faedah kepada manusia dan memakmurkan dunia.

(3) Anak hak ibubapa

Antara ulama yang menjadi pelopor utama membangunkan fahaman ini ialah kebanyakan alim ulama Ḥanafī. Mereka berpendapat perkara menahan dari mengandung itu harus dengan syarat mesti mendapat persetujuan dari isteri – kerana ia juga berhak mempunyai anak. Tetapi ulama Ḥanafī yang *muta'akhkhirīn* telah mengeluarkan fatwa “harus” dengan tidak mendapat persetujuan suami atau isteri apabila ditakuti anak itu akan jahat kerana kerosakkan zaman – ini adalah berasas kepada suatu kaedah islam “hukum itu berubah-ubah menurut aliran masa”

(4) Anak hak bapa sahaja

Keterangan ini adalah di antara beberapa pendapat-pendapat ahli fikiran – Imam Ghazali, *rahimahullah* yang berkata: Bapa itu harus beroleh anak atau tidak – kerana kalau sekiranya ia tidak berkahwin ia hanya menyalahi yang afdal – maka menahan dari mengandung itu harus.

Imam Ghazali berkata lagi; ini sekiranya kalau tidak memandang kepada segi pendorong, kalau

Sudah terbit!

Pengajian

**KESAH PELAYARAN**

**ABDULLAH MUNSHI**

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM,

pendorong itu harus – maka harus pula hukum menahan dari mengandung. Umpamanya kerana hendak menjaga kecantikan isteri dan takut kepada saat sengsara awal sebab banyak anak. Kalau pendorong itu makruh, maka menahan dari beranak itu menjadi makruh pula.

Demikianlah setengah dari intisari pendapat sebahagian dari cerdik pandai Islam terhadap kebanyakan anak. Pada pandangan dan pendapat saya sendiri: Umat Islam hari ini harus membanyakkan anak supaya bertambah umat Islam di dalam membina kekuatan negara menuju kemakmuran dan keamanan yang gilang-gemilang.

Sebagai sebuah negara muda yang baharu mencapai kemerdekaan, janganlah hendaknya orang-orang Islam kita

berfikir hendak menjarang beranak – kerana kerumitan hidup konon.

Alim ulama kita di tanah air hari ini seharusnya memberi penerangan atas soal-soal ini dan adakanlah kongres umum untuk berbincang atas perkara muktamad beranak.

Umat Islam harus waspada – janganlah lekas terpengaruh dengan pendapat bangsa asing – kerana perkara terburu-buru nafsu mengakibatkan malapetaka yang buruk. Kalau kita hari tidak pandai membawa diri di dalam arus ombak gelombang yang berkelam-kabut ini – nescaya bangsa kita akan lenyap dan negara kita akan dimiliki oleh bangsa asing.

Sekian, *wa billāhi al-taufiq.*

## Siri Sejarah Hidup Nabī Muḥammad

*ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*

**Edrus**

Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukatan pelajaran

sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan

di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshim bin ‘Abd Manāf, 2. ‘Abd al-Muṭṭalib, Nenda Nabī, 3. Abdullah

Dan Āminah – Ayah Bonda Nabī, 4. Hari Diperanakan, 5. Ḥalīmat al-Sa‘adiyyah, 6. Yatim Piatu, 7.

Berkahwin Dengan Sifī Khadijah, 8. Menerima Wahyu.

Buku ini mengandungi 24 buah. Sambutan akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30

sen senaskhah. Belanja mengirim 10 sen.

